



**KENYATAAN AKHBAR
JABATAN KESIHATAN WP LABUAN**

**PENJELASAN PENYEBARAN SURAT PENGISYTIHARAN KEJADIAN
WABAK PENYAKIT PERTUSSIS (BATUK KOKOL) DI WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN**

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan (JKWP) Labuan mengambil maklum kenyataan berhubung penyebaran surat Pengisytiharan Wabak Penyakit Pertussis (Batuk Kokol) yang tular di media sosial dan ingin menjelaskan situasi sebenar kejadian wabak penyakit tersebut.

Untuk makluman, 'Surat Pengisytiharan Wabak Kes Pertussis Di Jalan Tenaga, U1432, Bandar Labuan' yang bertarikh 9 Oktober 2018 merupakan surat edaran dalaman kepada fasiliti kesihatan termasuk klinik swasta di WP Labuan. Ia bertujuan untuk meningkatkan pemantauan dan pengesanan awal kes disyaki Pertussis.

Jabatan Kesihatan WP Labuan juga ingin memaklumkan terdapat **dua (2)** kes Pertussis yang dilaporkan berlaku di WP Labuan, melibatkan ibu dan anak dari satu keluarga. Kes pertama yang dilaporkan pada 3 Oktober 2018 merupakan bayi berumur 1 bulan yang telah mengalami gejala demam dan batuk sejak 29 September 2018. Kes kedua yang dilaporkan pada 8 Oktober 2018 merupakan ibu kepada bayi tersebut telah mengalami batuk sejak 27 September 2018. Ibu merupakan bukan warganegara dan tidak pernah mendapatkan imunisasi

pertussis manakala anak belum mencapai umur untuk mendapatkan vaksinasi. Kedua mereka telah mendapat rawatan dan kini telah kembali sihat. **Sehingga kini tiada kes baru dilaporkan.**

Jabatan Kesihatan WP Labuan telah meningkatkan aktiviti pencegahan dan kawalan di lapangan melalui pencarian kes di kawasan tempat tinggal kes dan pemberian imunisasi pertussis kepada kanak-kanak yang tercicir imunisasi. Pendidikan kesihatan melalui ceramah, edaran risalah dan poster juga telah diberikan. Orang ramai tidak perlu merasa kkuatir kerana kejadian wabak Pertussis di WP Labuan ini adalah terencil dan telah dapat dikawal.

Pertussis atau batuk kokol (*whooping cough*) adalah penyakit cegahan vaksin yang disebabkan oleh bakteria *Bordetella pertussis*. Kuman disebarkan melalui udara semasa pesakit bersin atau batuk; dan menjangkiti mulut, hidung dan tekak. Ia boleh menjangkiti semua orang tanpa mengira usia. Namun, bayi dan kanak-kanak yang tidak mendapat imunisasi lengkap adalah golongan yang paling berisiko tinggi untuk dijangkiti.

Lazimnya mereka yang dijangkiti akan mengalami batuk berpanjangan dalam tempoh 1 hingga 2 minggu dan boleh berlarutan sehingga 2 bulan. Komplikasi teruk seperti sawan, *pneumonia* (radang paru-paru), *encephalopathy* (radang otak) dan kematian boleh berlaku.

Pertussis boleh dielakkan dengan pemberian imunisasi kepada bayi berumur 2, 3, 5 dan 18 bulan. Justeru, ibu bapa bertanggungjawab memastikan anak-anak mereka mendapat pelalian pertussis yang lengkap mengikut jadual yang ditetapkan. Perkhidmatan imunisasi bagi kanak-kanak ini boleh diperolehi di fasiliti kesihatan Kerajaan dan swasta.

Jabatan Kesihatan WP Labuan ingin menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengamalkan adab batuk dan bersin (menutup mulut) serta mencuci tangan selepas batuk bagi mencegah penularan jangkitan kepada orang lain. Mereka yang bergejala perlu mendapatkan rawatan dan dinasihatkan supaya tidak mencium bayi kerana bayi berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan pertussis.

Jabatan Kesihatan WP Labuan akan terus memantau kejadian ini serta meningkatkan aktiviti pencegahan dan kawalan bagi memastikan penularan tidak berlaku.

Sekian, terima kasih.

DR ISMUNI BOHARI
PENGARAH
JABATAN KESIHATAN WP LABUAN
17 OKTOBER 2018